

251 pengakap terima bintang, pingat

• MOHAMED FARID NOH | BERITA HARIAN

BATU PAHAT: Seramai 251 ahli pengakap cemerlang mewakili unit badan beruniform itu dari seluruh negara menerima Anugerah Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap serta Sijil DiRaja Anugerah Pengakap Raja disampaikan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, (UTHM), di sini.


Tunku Ismail menyampaikan anugerah tertinggi pengakap itu kepada 59 penerima Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap serta 192 penerima Sijil DiRaja Anugerah Pengakap Raja, sebagai pengiktirafan kepada ahli pengakap yang memberikan komitmen jitu dan banyak menyumbang jasa bakti kepada pengakap di negara ini.

Pengakap Raja adalah kelulusan ujian kepandaian tertinggi bagi ahli pengakap menerusi sistem penilaian Lembaga Penarafan Pengakap Raja dengan semua sijil disampaikan kepada penerima ditandatangani Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu.

Tunku Ismail yang juga Pro-Canselor UTHM berkata, pembabitan remaja dalam pengakap mampu menjauahkan mereka daripada gejala negatif yang merosakkan.

“Penyertaan remaja serta anak muda dalam aktiviti badan beruniform seperti pengakap berupaya membantu mereka menangkis serangan negatif gejala sosial yang menyalahi moral, fizikal serta tata susila masyarakat negara ini.

“Malah, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar



TUNKU ISMAIL memeriksa barisan kehormat Pengakap pada Majlis Istiadat Penganugerahan Bintang dan Pingat Persekutuan Pengakap Malaysia dan Sijil DiRaja Anugerah Pengakap Raja di UTHM.

dalam satu program Jambori Pengakap Johor, turut memberi ingatan bahawa remaja masa kini mengalami krasis identiti yang boleh membawa kepada kehancuran moral.

“Oleh itu, menerusi pembabitan aktif sebagai ahli Pengakap, gejala negatif ini akan dapat diatasi dengan nilai murni diterapkan seperti ber-

semangat patriotik, jujur dan menghormati orang lain,” katanya ketika menyempurnakan majlis berkenaan.

Hadir sama, Ketua Pengakap Negara, Datuk Seri Paduka Dr Shafie Mohd Salleh dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Ir Dr Abdul Aziz Abdul Samad.